

Parit Raja bakal jadi 'bandar universiti'

BATU PAHAT - Pimpinan di peringkat Parlimen Sri Gading kagum dengan perancangan kerajaan negeri yang ingin mentransformasikan pekan berkenaan menjadi sebuah 'bandar universiti' sebagaimana beberapa bandar di luar negara.

Ahli Parlimennya, Datuk Ab Aziz Kaprawi berkata, beliau mengambil maklum dengan cadangan Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin apabila mengumumkannya, baru-baru ini.

Menurutnya, ia telah ada dalam perancangan sejak beliau mula berkhidmat sebagai Ahli Parlimen Sri Gading bermula tahun 2013.

"Saya lihat potensi pekan Parit Raja untuk dibangunkan sebagai sebuah 'bandar universiti' adalah amat munasabah memandangkan pekan ini menempatkan salah sebuah universiti terkemuka di tanah air iaitu Universiti Tun Hussein Onn (UTHM). Saya juga dilantik sebagai Timbalan Menteri Mentor kepada universiti ini.

"Selain itu, Parlimen Sri Gading menempatkan banyak lagi institusi pengajian seperti Institut Perguruan Tun Hussein Onn (IPTHO), Kolej Kemahiran Tinggi Mara (KKTm) Sri Gading dan Kolej Kejururawatan Batu Pahat yang meningkatkan lagi potensi untuk pekan Parit Raja dijadikan sebagai bandar universiti.

"Integrasi antara pekan dan universiti adalah satu projek pembangunan yang memerlukan perancangan rapi dengan pelbagai pihak terutamanya pihak berkuasa tempatan (PBT), UTHM, dan penduduk setempat," katanya dalam satu kenyataan media.

Tambah Ab Aziz, beliau percaya UTHM mempunyai kepakaran dan pendedahan serta boleh menyediakan khidmat nasihat, memberi maklum balas dan bantuan berhubung perkara ini.

Katanya, satu perbincangan dengan UTHM, Pejabat Daerah Batu Pahat dan Majlis Perbandaran Batu Pahat (MPBP) bagi memulakan pelan perancangan dalam masa terdekat akan dilaksanakan.

"Saya dimaklumkan antara model bandar universiti yang akan boleh dijadikan sampel adalah seperti Oxford di United Kingdom (UK), Heidelberg di Jerman, Montpellier di Perancis dan Salamanca di Sepanyol.

"Ini juga merupakan salah satu usaha untuk menaik taraf status pekan Parit Raja sebagai destinasi pelancongan pendidikan ataupun 'Edu-Tourism,'" katanya.